



TERMA DAN SYARAT

AGROPOLL GIVEAWAY 2.0 (“PERADUAN”)

A. SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada semua rakyat Malaysia.
2. Pelanggan baharu dan sedia ada kecuali warga kerja Agrobank.
3. Peraduan ini dianjurkan secara dalam talian melalui media sosial Agrobank (*Facebook dan Instagram*). Rakyat Malaysia yang berminat untuk menyertai peraduan ini diminta untuk mengikuti **langkah demi langkah** yang dinyatakan dalam **pautan AgroPoll Giveaway 2.0** (rujuk perenggan C)
4. Kelayakan untuk memenangi peraduan ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di sini serta terma lain yang ditetapkan oleh Agrobank dari masa ke masa.

B. TEMPOH PERADUAN

1. Peraduan dijalankan selama dua (2) minggu bermula dari 11 Ogos 2024 sehingga 23 Ogos 2024 melalui dua (2) pautan.

TEMPOH PERADUAN	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
Minggu 1	11 Ogos 2024	16 Ogos 2024
Minggu 2	18 Ogos 2024	23 Ogos 2024

2. Agrobank berhak untuk menukar atau meminda tarikh dan Tempoh Peraduan sekiranya perlu.
3. Sebarang penyertaan yang dilakukan melebihi Tempoh Peraduan tidak akan dikira sebagai penyertaan.

C. MEKANISME PENYERTAAN PERADUAN.

1. **‘Follow’** : Facebook - Agrobank
Instagram - AgrobankMy
‘Share’ : Pautan *AgroPoll Giveaway 2.0*.
Facebook - Halaman
Instagram – *Instagram Story*

Pastikan profil akaun media sosial setiap peserta berstatus awam.

2. **‘Comment’** : Pilih pilihan jawapan poll dan meletakkan tanda pagar **#agrobankmy #agropoll #agropollgiveaway2.0**
3. **‘Tag’** : Tag tiga (3) rakan anda di bahagian komen autan Peraduan ini.

D. HADIAH

1. Agrobank akan **memilih secara rawak, dua (2) pemenang setiap minggu** dan jumlah keseluruhan pemenang adalah **seramai empat (4) orang pemenang**.

MINGGU	HADIAH	FB	IG	JUMLAH PEMENANG
1	1G Kepingan Emas 999.9*	1	1	2
2	1G Kepingan Emas 999.9*	1	1	2
Jumlah				4

*Tertakluk kepada Terma dan Syarat

2. Hadiah boleh dituntut di **Cawangan Agrobank, atau ibu pejabat Agrobank (melalui temujanji)**.
3. Agrobank berhak untuk **menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu)** dengan memaparkan notis di laman web rasmi dan media sosial Agrobank. Pihak Agrobank akan memaklumkan terlebih dahulu kepada para pemenang sekiranya terdapat sebarang perubahan hadiah.
4. Hadiah yang ditawarkan tidak boleh dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga.

E. PEMILIHAN PEMENANG

1. Pemilihan pemenang akan dilaksanakan selepas tamat Tempoh Peraduan.
2. **Penentuan pemenang** adalah ditetapkan oleh Agrobank berdasarkan kepada jawapan yang tepat dan komen yang paling menarik. Ianya akan **ditentukan secara rawak melalui sistem pengundian berkomputer** yang dipantau dan dimuktamadkan oleh **satu jawatankuasa pemilihan pemenang**.
3. Setiap penyertaan hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja daripada semua platform sosial media sepanjang Tempoh Peraduan.
4. Peserta yang telah menerima sebarang hadiah daripada Agrobank dalam tempoh setahun dari Tempoh Peraduan, tidak layak untuk memenangi Peraduan kali ini.
5. Pemenang akan **dihubungi melalui laman media sosial rasmi Agrobank (Facebook dan Instagram)** dan laman web Agrobank.
6. Pemenang perlu menunjukkan **kad pengenalan diri dan profil media sosial** kepada **pegawai Agrobank yang bertugas di cawangan atau ibu pejabat Agrobank selepas membuat temujanji** sebelum membuat sebarang tuntutan hadiah untuk mengelakkan sebarang kes penyamaran atau penipuan.
7. Agrobank **TIDAK** akan bertanggungjawab sekiranya pemenang **tidak dapat dihubungi setelah tiga (3) kali percubaan dilakukan oleh Agrobank atau gagal menghubungi Agrobank kembali** bagi urusan tuntutan hadiah.

8. Agrobank boleh **memilih pemenang yang layak dari senarai menunggu atau simpanan** sekiranya pemenang yang telah dipilih **tidak dapat dihubungi dalam masa empat belas (14) hari bekerja selepas pengumuman di sosial media Agrobank**, enggan menerima hadiah atau lain-lain alasan munasabah yang membolehkan Agrobank untuk memilih pemenang lain daripada senarai menunggu atau simpanan.
9. Semua keputusan pemenang adalah muktamad. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.
10. Pemenang peraduan ini dijangka akan diumumkan pada **1 September 2024**. Agrobank berhak menukar atau meminda tarikh pengumuman pemenang sekiranya perlu.
11. Agrobank boleh **membatalkan hadiah** bagi pemenang yang terpilih, dan pemenang yang didalam senarai menunggu **sekiranya tidak memberi kerjasama semasa dihubungi atau gagal dihubungi** secara berkala dalam **masa 30 hari selepas pengumuman rasmi** pemenang dibuat.

F. Lain-Lain

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Agrobank boleh mencetak atau menyiarkan nama peserta untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman web Agrobank, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Agrobank berhak untuk menolak dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini, penyertaan yang tidak lengkap dan/atau penyertaan yang lewat dari tarikh yang dinyatakan.
4. Agrobank berhak untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan Terma dan Syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan peraduan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlakanya. Apa-apa perubahan pada Peraduan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh Agrobank, tidak terhad kepada pemberitahuan di laman web Agrobank (www.agrobank.com.my) atau platform media sosial Agrobank.
5. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Agrobank, termasuk untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor kad pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan Peraduan ini, dan tidak terhad bagi tujuan mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web Agrobank dan juga sosial media Agrobank bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan).

6. Peserta tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA Agrobank yang dipaparkan di laman web Agrobank (www.agrobank.com.my). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung Peraduan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.

Nota: Peserta/pemenang adalah dinasihati untuk mengambil langkah berjaga-jaga apabila menerima sebarang permintaan bagi Data Peribadi dan boleh menghubungi Agrobank bagi tujuan verifikasi berkenaan Peraduan ini.

7. Peraduan serta Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
8. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh dikemukakan melalui :
- Pusat Panggilan Agrobank di 1-300-88-2476
 - E-mel customer@agrobank.com.my
 - Kunjungi cawangan Agrobank yang terdekat.

Disediakan oleh : Jabatan Pengalaman Pelanggan

<Tamat>